

## PROMOSI eDEPOSIT TETAP-i ([English Version](#))

Dikemas kini pada 22 April 2024

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi eDeposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) bermula pada 1 April 2024 dan berakhir pada 30 April 2024, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 13** di bawah, mengikut mana-mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“**T&S**”):

### KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang mempunyai Akaun Semasa/Simpanan Hong Leong Bank atau Akaun Semasa-i/Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) (“**Akaun/i Sertaaan**”) dan telah mendaftar untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Perbankan Mudah Alih HLB Connect (“**HLB Connect**”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“**Pelanggan**”).
- Bagi mengelakkan keraguan:
  - Pelanggan baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA/CASA-i sebelum Tempoh Promosi;
  - Pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang mempunyai sebarang produk HLISB atau Hong Leong Bank (“**HLB**”) (HLISB dan HLB secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) sebelum Tempoh Promosi; dan
  - Pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eDeposit Tetap-i (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, Terma dan Syarat Umum Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat yang berkenaan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi ini.
- Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
- Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank.

### KAEDAH PROMOSI

- Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di atas dan yang membuat peletakan eDeposit Tetap-i (“**eFD-i**”) ke dalam akaun eDeposit Tetap-i (“**Akaun eFD-i**”) yang baharu atau sedia ada melalui HLB Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan eFD-i Minimum dan tidak melebihi Amaun Peletakan eFD-i Maksimum (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1) (“**Amaun Peletakan eFD-i**”) untuk Tempoh yang ditetapkan semasa Tempoh Promosi berhak untuk menikmati Kadar Promosi eFD-i seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Tarikh Berkuatkuasa	Tempoh	Kadar Promosi <sup>1</sup>	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
1 April 2024 – 30 April 2024	3 bulan	3.50% setahun	RM1,000	RM200,000
	10 bulan	3.70% setahun		
	12 bulan	3.65% setahun		
	18 bulan	3.35% setahun		
	24 bulan	3.45% setahun		
22 April 2024 – 30 April 2024	6 bulan	3.75% setahun		

<sup>1</sup> Kadar Promosi mungkin disemak semula mengikut budi bicara bank

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausa 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan eFD-i mestilah dilakukan daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges ("**FPX**"). FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>.
9. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk pada amaun maksimum/had pindahan yang ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
10. Proses peletakan eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD-i akan bermula selepas proses tersebut berjaya disempurnakan. HLISB tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan tersebut.
11. Peletakan eFD-i hanya boleh dibuat menerusi HLB Connect antara 06:00 pagi hingga 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi, atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD-i mestilah dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam pada hari terakhir Tempoh Promosi agar peletakan diterima untuk Promosi ini.
12. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD-i masing-masing atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i diperuntukkan, yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
13. Had Saiz Dana agregat untuk Akaun eFD-i Sertan di bawah Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

**Jadual 2**

Tarikh Berkuatkuasa	Tempoh	Had Saiz Dana
1 April 2024 – 30 April 2024	3 bulan	RM350 juta
	10 bulan	RM200 juta
	12 bulan	RM100 juta
	18 bulan	RM1 juta
	24 bulan	RM4 juta
22 April 2024 – 30 April 2024	6 bulan	RM700 juta

14. Jika Had Saiz Dana telah dicapai, Amaun Peletakan eFD-i yang melebihi Had Saiz Dana akan tertakluk pada kadar semasa mengikut budi bicara Bank.
15. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/keperluan untuk Promosi dengan memberi notis awal dengan cara menyiarkan T&S yang telah diubah di laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang Bank**") atau mana-mana cara lain yang HLISB dapati wajar dan perubahan tersebut berkuat kuasa daripada tarikh efektif yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan eFD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuat kuasakan.
16. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i di bawah nama individu Pelanggan Layak ("**CASA/CASA-i Diperuntukkan**") bagi tujuan pengkreditan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
17. Jika Amaun Peletakan eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD-i tersebut, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
18. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eDeposit Tetap-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eDeposit Tetap-i.
19. Pelanggan Layak dengan produk eFD-i akan dianggap telah bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
20. Tertakluk pada Klausula 17 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eDeposit Tetap-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eDeposit Tetap-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eDeposit Tetap-i mengikut Klausula 17.
21. Amaun Peletakan eDeposit Tetap-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk menjamin apa-apa kemudahan pembiayaan/kredit diberikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang lain.

## **UMUM**

22. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (i) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan Terma dan Syarat Umum Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i ("**T&S Berkenaan**");
  - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
  - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak;
  - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
  - (v) bahawa keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
  - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
23. Bank berhak untuk:
  - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank,

atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada pelanggan Layak;

- (ii) membatalkan keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S Berkenaan; dan
- (iii) menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran T&S Berkenaan.

- 25. Tambahan kepada T&S ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa T&S Berkenaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
- 26. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
- 27. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
- 28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

**eDeposit Tetap-I adalah produk deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).